



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
mengenai  
**PROSES PEMUTIHAN 6P**  
**10 JANUARI 2012 (SELASA)**

---

1. Kerajaan hari ini membuat keputusan **TIDAK MELANJUTKAN tempoh pendaftaran dan pengampunan di bawah Program 6P yang berakhir hari ini (10 Januari 2012).**
2. Walau bagaimanapun **SECARA PENTADBIRAN**, proses permohonan pemutihan diteruskan bagi Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah berdaftar dalam tempoh 1 hingga 31 Ogos 2011. Pertimbangan ini dibuat di atas rayuan para majikan bagi melengkapkan proses pemutihan, pengeluaran dokumen yang berkaitan dan temuduga dengan agensi kawal selia.
3. Oleh itu, bagi majikan yang masih belum berbuat demikian adalah dinasihatkan untuk **berurusan segera** dengan Pusat Sehenti (*One Stop Center* - OSC) seperti senarai berikut:
  - i. Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya
  - ii. Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Putrajaya
  - iii. Pejabat Pengeluar Pasport Presint 15, Putrajaya
  - iv. Kompleks KDN Jalan Duta, Kuala Lumpur
  - v. Pejabat Imigresen Pelabuhan Kelang, Selangor
  - vi. Kompleks KDN Johor Bahru, Johor
  - vii. Kompleks KDN Seberang Jaya, Pulau Pinang
  - viii. Kompleks KDN Kuantan, Pahang
4. Sehingga hari ini, sejumlah **323,093 orang PATI** membabitkan **21,956 majikan** telah diputih dan diampunkan. Sehubungan itu, majikan adalah dinasihatkan supaya mengambil peluang dari keputusan ini untuk memastikan agar semua pekerja mereka dapat diputihkan dalam tempoh terdekat sebelum penguatkuasaan dilaksanakan secara besar-besaran.

Tan Sri Mahmood bin Adam  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri